

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Seri Haji Aminuddin Bin Harun [Port Dickson] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah ada perancangan daripada Kementerian untuk mengubah semula jajaran laluan ECRL dengan melalui Jelebu, Kuala Klawang, Bangi dan Putrajaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan tidak mempunyai perancangan untuk mengubah semula jajaran laluan ECRL dengan melalui Jelebu, Kuala Klawang, Bangi dan Putrajaya. Skim Keretapi bagi jajaran sedia ada telah diluluskan dan sekiranya ingin dikembalikan ke jajaran asal, akan mengakibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.